

Tarbiyah Pengasas Siri 50

28 Mac 2023

PENGKHUSUSAN TUGAS & KAEDAH MEMENUHI IDAMAN ISDEV

Prof Dr Muhammad Syukri Salleh

Soalan Dr Shahir Akram Hassan

Soalan 1

Warga ISDEV diajar agar menjalankan sesuatu teliti, tegas dan gaya yg tersendiri. Contoh yang Prof selalu sebut, banyak pengalaman Prof dijemput ke sesuatu acara, yang jemput orang lain, yang hantar surat orang lain, yang beli tiket orang lain. Last-last Prof tak pergi kerana urusan itu kelam-kabut. Antara orang-orang yang menguruskan itu tidak ada penyelarasan. Di ISDEV biasanya ditugaskan seorang petugas dari awal hingga akhir atau seorang yang in-charge penuh sesuatu program. Tetapi bagaimana sepatutnya untuk menjalaninya apabila program/audience semakin besar di samping tugas-tugas sedia ada seperti sekarang ini?

Jawapan

1. Benar, masa saya dahulu, saya tugaskan seorang petugas yang khusus untuk menjaga seorang tetamu. Petugas ini menguruskan semua perkara, daripada A sampai Z tentang tetamu ini, daripada menghubungi untuk membuat jemputan, mengirim surat jemputan, menguruskan tiket penerbangan, menyediakan penginapan, menjemput di lapangan terbang, membawa ke penginapan, mengambil di penginapan ke tempat majlis dan menghantar pulang,

menguruskan kesemua keperluan, sehinggalah menghantar pulang tetamu ke lapangan terbang.

2. Saya lakukan ini kerana:

i. Saya mahu petugas itu berkenalan rapat dan membina jaringan yang kukuh dengan tetamu. Tetamu yang dijemput kebiasaannya adalah orang ternama. Jaringan seterusnya selepas majlis adalah sangat penting untuk perkembangan ISDEV selepas itu.

ii. Saya mahu memberi peluang kepada petugas itu untuk membina karier melalui jaringan dengan tetamu tersebut. Orang yang ditugaskan adalah yang terpilih secara teliti berdasarkan kriteria berikut:

(a) Petugas mempunyai bidang pengkhususan yang sama dengan tetamu.

(b) Petugas mempunyai potensi dalam memantapkan bidang pengkhususan dan kariernya.

(c) Petugas mempunyai keperibadian, keterampilan, dan asas seni komunikasi yang boleh dididik dan dimantapkan.

iii. Saya mahu pengalaman pahit yang saya pernah alami ketika dijemput menjadi tetamu dan menguruskan program tetamu untuk ISDEV tidak berlaku lagi di ISDEV. Misalnya:

(a) Dalam satu Persidangan Antarabangsa yang kita anjurkan bersama dengan **Bank Pembangunan Islam (IsDB)**, saya tersilap memperuntukkan dua orang tetamu untuk satu bilik di Rumah Tetamu

USM. Yang menjemput tetamu orang lain, yang menguruskan penginapan tetamu adalah saya. Saya tidak mengetahui sangat latarbelakang para tetamu. Rupanya mereka adalah orang-orang ternama dari dalam dan luar negeri yang memegang jawatan yang tinggi-tinggi di organisasi mereka. Ada seorang tetamu lari meninggalkan bilik yang saya sediakan. Beliau lari menginap di hotel yang lebih mewah di Georgetown.

- (b) Saya pernah dijemput oleh sebuah **Kerajaan Negeri** untuk menyampaikan syarahan tentang Mengurus Kemiskinan Secara Islam di seminar besar mereka. Orang yang menghubungi saya sangat mesra. Orang yang menjemput saya di lapangan terbang pun sangat baik. Tetapi bila tiba di hotel, tidak ada lagi orang yang melayan saya. Saya sendirian dan terpaksa menghubungi saudara untuk mencari makan malam, padahal makan malam untuk tetamu memang disediakan di situ. Saya tidak diberitahu oleh sesiapa, sebab tugas menjemput dan mengambil saya di lapangan terbang sudah selesai. Saya pun tidak diberitahu pukul berapa kereta akan datang ambil di hotel untuk bawa ke tempat majlis. Saya hanya tunggu sahaja di lobi hotel.
- (c) Saya pernah dijemput oleh **sebuah Universiti Islam swasta** untuk menyampaikan syarahan di konferens mereka. Saya datang dengan kereta sendiri. Tiba di hotel, tidak ada orang yang tunggu. Bilik saya pun semacam tidak ada. Pekerja hotel terpaksa menghubungi penganjur, barulah saya diberikan bilik. Namun begitu, tidak

ada seorang penganjur pun menghubungi saya untuk memastikan saya tiba. Saya terpaksa mencari maklumat sendiri di bilik mana konferens itu diadakan, bermula jam berapa, dan hal-hal lain. Ketika sampai di majlis pun tidak ada penganjur yang datang bertemu saya, sehingga saya terpaksa mencari tempat duduk sendiri. Saya hanya naik ke pentas apabila nama saya dipanggil. Selepas itu pun, saya terpaksa mencari tempat makan tengahari sendiri. Tidak ada penganjur, terutamanya yang menghubungi saya ketika menjemput saya dahulu, yang datang bertemu saya sehinggalah saya check-out hotel dan pulang.

- (d) Perkara yang sama juga berlaku ketika saya diundang menyampaikan syarahan di satu seminar anjuran **sebuah agensi latihan negara**. Semuanya saya kena cari dan uruskan sendiri sehingga pulang. Hanya driver yang datang jemput di lapangan terbang. Itu pun lambat. Kemudian kena cari tempat dapatkan kunci bilik, tempat makan malam dan tempat majlis secara sendiri. Tidak ada penganjur yang datang bertemu sehinggalah pulang. Yang menghubungi saya hanya yang mengundang melalui talipon dan surat saja. Kemungkinan tugasnya sudah selesai. Mereka yang ditugaskan menyambut tetamu tidak menjalankan tugas sebaliknya, mungkin kerana tidak ada penyelarasan dalam kalangan mereka.
- (e) Saya pernah dijemput oleh sebuah **penerbit sebuah universiti Islam** untuk memberi latihan penerbitan kepada para pensyarahnya. Latihan

itu berlangsung beberapa hari di sebuah hotel. Tetapi pada hari terakhir, saya diminta check-out pukul 12 tengahari sedangkan acara latihan berakhir pukul 6 petang. Oleh kerana tidak larat untuk memandu pulang ke Pulau Pinang pada malam itu, saya menyambung bermalam di hotel tersebut dengan bayaran sendiri. Penganjur tidak mahu membayarnya. Penerbit yang sama juga, pernah dalam jemputan untuk latihan penerbitan sebelum itu, secara tiba-tiba meminta saya melambatkan tiket penerbangan pulang saya kerana ketika majlis penutup, Naib-Canselornya tiba-tiba datang. Mujurnya, tidak penerbangan saya hanya boleh dilambatkan dengan bayaran tambahan. Penerbit tersebut tidak mahu membayarnya dan saya pun pulang mengikut jadual penerbangan asal saya.

- (f) Saya pernah dijemput oleh sebuah **universiti Islam swasta** (sekarang sudah dinaiktaraf menjadi universiti) untuk menyampaikan syarahan di konferens antarabangsa mereka. Bila sampai di lapangan terbang, tidak ada yang tunggu. Saya terpaksa menalipon orang yang menjemput saya. Lebih daripada sejam baru kenderaan sampai. Hotel pula meminta saya membayar sendiri untuk bilik saya. Selepas beberapa perbincangan dengan penganjur baru penganjur jamin untuk bayar. Konferens dipendekkan tanpa memaklumkan kepada saya terlebih dahulu. Saya terpaksa mengambil tiket penerbangan baru dengan harga yang tinggi. Orang yang menjemput saya memberi jaminan untuk ganti balik. Bertahun-tahun baru beliau ganti. Saya

difahamkan, beliau menggunakan wang beliau sendiri untuk ganti.

- (g) Seorang **tokoh ilmuwan Malaysia** pernah memberitahu saya keputusannya untuk tidak hadir memberi Ucaputama di satu jemputan konferens di USM. Katanya ada hanya seorang talipon beliau menjemput beliau. Selepas itu tidak ada lagi orang menghubungi beliau. Beliau tidak ada tiket penerbangan. Saya memaklumkan kepada Pengerusi JK Penganjur. Setelah disiasat, tugas jemputan telah selesai, tetapi penyelarasan dengan petugas yang sepatutnya menyediakan tiket penerbangan, penginapan, jemputan di lapangan terbang tidak ada. Tukang jemput mengira tugasnya selesai, manakala petugas-petugas lain tidak mengambil inisiatif untuk bertanya.
- iv. Saya mahu melayan tetamu seistimewa boleh sebagaimana saya pernah menerima layanan istimewa daripada pihak yang mengundang saya. Misalnya:
- (a) **Di Malaysia dan Indonesia.** Di kebanyakan jemputan di Malaysia dan Indonesia, layanan adalah cukup baik sekali. Cuma sekali di Indonesia, penganjur (pihak yang membuat jemputan) tidak begitu melayani rombongan ISDEV. Kita terpaksa membawa diri sendiri.
 - (b) **Di Osaka, Jepun.** Saya dijemput oleh seorang Profesor terkenal, diberikan tiket penerbangan business, disambut di lapangan terbang oleh seorang Profesor yang lain dalam bidang

berkaitan bidang saya, diberikan seorang petugas (PhD) melayani saya sepanjang saya berada di sana, diberikan wang yang banyak untuk saya bermusafir ke Kobe dan Hiroshima. Penyelarasan antara mereka cukup mantap.

- (c) **Di Edmonton, Kanada.** Saya dijemput di lapangan terbang oleh seorang petugas yang berkelulusan (PhD) Oxford. Diberi bilik penginapan yang sangat luas. Di bawa makan malam oleh tiga orang kepimpinan penganjur untuk pastikan makanan halal. Penyelarasan antara mereka juga luarbiasa.

3. Persoalan Dr Shahir, apakah perkara yang sama boleh dilakukan untuk satu majlis yang besar, manakala banyak tugas lain yang sedia ada yang perlu dipenuhi.

Jawapannya:

- (a) Benarkah program dan audience ISDEV sekarang lebih besar daripada dahulu? Jawabannya, tidaklah sangat. Kalau pun tidak lebih besar seperti Persidangan Antarabangsa Ekonomi Politik Islam dengan tetamu-tetamu ternama dari seluruh dunia, program sekarang adalah lebih kurang sama saiznya dengan program-program dahulu.
- (b) Benarkah tugas sekarang lebih banyak daripada dahulu? Ini benar. Banyak tugas sedia ada yang perlu dilaksanakan oleh warga ISDEV. Tetapi bilangan kita sekarang adalah lebih ramai daripada dahulu. Tugas boleh diagihkan dengan sebaiknya. Dalam Tarbiyah Pengasas yang lepas, telah diceritakan bagaimana mengurus kesibukan.

Soalan 2

Kita doakan ISDEV pada masa akan datang lebih terkenal dan lebih banyak orang yang inginkan khidmat dan kerjasama ISDEV. Dengan mengambil kira tugas hakiki, tugas mendatang dengan andaian semua warga ISDEV berjuang dan berkhidmat untuk Islam, apakah nasihat Prof kepada kami, apa yg sepatutnya kami lakukan supaya kami dapat berjuang seperti yang ISDEV idam-idamkan.

Jawapan

1. Perkara pertama yang perlu dilakukan ialah **meneruskan** apa yang telah dilakukan. Sebagai pengasas, pastinya saya gembira jika apa yang telah diusahakan sebelum ini dapat diteruskan. Pada pandangan saya, kesemuanya telah terbukti mampu menjaya dan melonjakkan cita-cita perjuangan ISDEV.
2. Perkara kedua ialah **menilai balik** apa yang telah dilakukan. Saya sedar bahawa fenomena dan eko-sistem sekarang mungkin berbeza dari zaman saya. Setengahnya mungkin masih sesuai, manakala setengahnya tidak sesuai lagi. Jadi kena nilai balik apa yang telah diusahakan, dan kenalpasti mana yang boleh diteruskan, mana yang kena murnikan, mana yang tidak sesuai diteruskan lagi.
3. Perkara ketiga ialah memantapkan **tiga kekuatan asas** ISDEV (iman, ukhwah dan kefahaman & keselarasan), sama ada melalui kedua-dua amalan-amalan wajib dan *fadh-ilul-'amal*, sehingga makin kuat Rasa Bertuhan dan Rasa Kehambaan. Perkara-perkara ini boleh menjadi sebab Allah SWT turunkan bantuan, kemudahan, keberkatan, kejayaan, dan keredhaan, Insya-Allah.

4. Perkara keempat ialah meningkatkan **nilai-nilai mahmudah** dalam kalangan warga ISDEV untuk menjadikan ISDEV institusi harmoni yang menyejukkan, umpamanya:

- (a) Rasa kepunyaan bersama (*sense of belonging*)
- (b) Rasa kasih sayang
- (c) Rasa bertanggung jawab
- (d) Sifat pengorbanan
- (e) Sifat pro-aktif
- (f) Sifat bersedia memohon maaf dan memaafkan
- (g) Dan sebagainya